



mengurangkan kadar jenayah semata-mata, malah ia juga mengambilkira aspek keselamatan persekitaran di kawasan kejiranan.

Majlis turut merangka pelbagai inisiatif ke arah merealisasikan usaha mewujudkan kejiranan selamat melalui penglibatan penduduk dalam ‘community policing’ bagi mempertingkatkan dan memperkasakan lagi PKKPJ ini.

Sumbangan PKKPJ ini di harap dapat membantu mengurangkan beban RA/RT dan JMB di dalam membanteras dan mencegah jenayah di kawasan kejiranan masing-masing. Ke arah era digitalisasi dan bandar raya pintar, semua permohonan adalah secara atas talian melalui pautan <http://pkpj.mbpj.gov.my/login.html>. Semua permohonan yang diterima akan disenarai pendek oleh pihak urusetia dan melalui proses sokongan daripada ahli majlis kawasan serta pihak Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya. Selain itu, ia juga dapat memudahkan pemohon untuk menguruskan peruntukan dana yang disediakan dan menyemak pengesahan status permohonan serta kemasukan peruntukan dana ke akaun dengan pantas.

Pihak Majlis juga sedang mengkaji untuk melaksanakan rebranding pada tahun hadapan bagi membantu komuniti dalam melaksanakan program yang telah dirancang iaitu dengan melaksanakan penambahbaikan beberapa aspek termasuklah penjenamaan semula nama program, kriteria permohonan, tatacara permohonan, kaedah permohonan dan lain-lain yang berkaitan pasukan keselamatan kejiranan Petaling Jaya ini.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.



KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (32)

Tarikh: 18 Jun 2023

KEJOHANAN “PETALING JAYA INTERNATIONAL REMOTE CONTROL POWERBOAT CHAMPIONSHIP 2023 SEMPENA SAMBUTAN KE-17 ULANG TAHUN BANDARAYA PETALING JAYA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sekali lagi mengadakan Kejohanan “Petaling Jaya International Remote Control Powerboat Championship 2023 bertempat di Taman Tasik Bandaran Kelana Jaya bermula 15 hingga 18 Jun 2023. Kejohanan ini merupakan kali ke-15 penganjurannya sejak pertama kali diperkenalkan pada 15 Januari 2009 diadakan bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Ke-17 Bandaraya Petaling Jaya yang disambut pada 20 Jun setiap tahun.

Kejohanan itu telah mendapat penyertaan sebanyak 675 buah bot dengan 167 orang peserta dari dalam dan luar negara yang mengambil bahagian iaitu Negara Brunei Darulsalam, Thailand, Vietnam, Indonesia, UAE, Kuwait dan negeri-negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Penganjuran kejohanan ini bertujuan untuk mempromosi, memperkenal dan memartabatkan sukan ini sebaris dengan sukan lain dalam negara Malaysia serta menjadikan sukan ini sebagai produk sukan air program pelancongan Kerajaan Negeri Selangor umumnya dan peringkat MBPJ khususnya.

Disamping itu, Majlis juga telah menjadikan program kejohanan ini sebagai acara rasmi tahunan dalam acara kalendar Majlis dan kalendar Tourism Selangor di samping itu menjalin kerjasama pintar (smart partnership) di antara UPEN Selangor, Tourism Selangor, persatuan-persatuan RC, dan Akademi MAS.

Dalam kejohanan ini, sebanyak 7 kategori dipertandingkan iaitu:-

Kelas A : Catamaran/Tunnel Hull 44cc And Above, Gasoline Engine, Local Modified;

Kelas D : Mono Vee Hull 43cc- 35cc, Gasoline Engine Local Modified;

Kelas E : Mono Vee Hull Imported Marine Gasoline Engine 26cc-28cc;

Kelas F : Catamaran /Tunnel Hull Imported Marine Gasoline Engine 26cc -28cc;

Kelas G : Mono Vee Hull Marine Gasoline Imported Engine 29cc-32 cc;

Kelas H : Catamaran /Tunnel Hull Marine Gasoline Imported Engine 29cc-32cc; dan

Best of the best Team.

Dikeluarkan oleh.

Sekretariat Media

Unit Komunikasi Korporat,

Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.



Kejadian kes denggi pada minggu epidemiologi (ME) 23 iaitu bagi tempoh 4 Jun 2023 hingga 10 Jun 2023, sejumlah 1,204 kes demam denggi telah dilaporkan di Negeri Selangor, iaitu penurunan sebanyak 2.7% (34 kes) berbanding 1,238 kes pada minggu sebelumnya. Sejumlah 25,646 kes demam denggi dilaporkan sehingga ME 23 yang berakhir pada 10 Jun 2023 iaitu peningkatan sebanyak 90.8% (12,208 kes) berbanding minggu yang sama tahun 2022 (13,438 kes). 5 kes kematian dilaporkan dalam tempoh ini berbanding 3 kes kematian pada tempoh yang sama tahun lepas.

Negeri Selangor mempunyai 56 mukim dimana mukim yang menunjukkan bilangan kes tertinggi pada ME 23/2023 adalah Petaling jaya (175), Sungai Buloh (142), Damansara (134), Batu (128) dan Klang (92). Manakala secara kumulatif mukim tertinggi bilangan kes adalah Klang (3,336), Petaling (2,961), Damansara (2,665), Sungai Buloh (2,113) dan Kajang (1,865)

Jumlah lokaliti wabak denggi aktif pada hari ke-tujuh (sabtu) ME 23/2023 adalah sebanyak 501 dengan perincian lokaliti hotspot 71, wabak tak terkawal 52 dan wabak terkawal 378. Bilangan lokaliti hotspot berdasarkan daerah adalah Petaling 44, Hulu Langat 10, Klang 8, Gombak 6 dan Hulu Selangor 3.

Kejadian wabak ini boleh dihalang sekiranya setiap lapisan masyarakat, Jawatankuasa Penduduk, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi-agensi kerajaan serta NGO mengambil bahagian dalam pencegahan dan kawalan denggi. Langkah menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes dan bekas berpotensi untuk pembiakan merupakan usaha utama dalam menghalang penularan jangkitan ini. Sekiranya setiap individu dan masyarakat dapat melakukan aktiviti mencari dan menghapuskan tempat pembiakan sekurang-kurangnya seminggu sekali di premis masing-masing maka pembawa virus jangkitan ini akan dapat dihapuskan.

Ekoran daripada itu, pelaksanaan program gotong – royong oleh pasukan COMBI, SEDAR, dan lain-lain sukarelawan diharap akan dapat memberi kesedaran di kalangan masyarakat betapa bahayanya penyakit denggi dan mendorong amalan menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes.

Melalui program ini, diharap semua akan lebih proaktif dalam menangani masalah demam denggi, dengan bantuan teknikal dan khidmat nasihat dari Pihak Jabatan Kesihatan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Untuk menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes sebenarnya tidak begitu sukar. Hanya meluangkan masa untuk memeriksa kebersihan kawasan rumah dan premis masing-masing, termasuk kawasan di luar pagar, sekurang-kurangnya selama 10 minit setiap minggu. Pemeriksaan ini bertujuan untuk mengesan, membersih dan menghapuskan tempat-tempat yang berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes, termasuk di tong-tong sampah dan sebagainya.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.



Tempatan lain dan negeri lain untuk lawatan dalam masa yang sama memperkenalkan projek kesedaran kepada alam sekitar ini.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.



مجالس بنداراي فتالیغ جايا MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (35)

Tarikh: 24 Jun 2023

BANDAR RAYA PETALING JAYA RAI ULANG TAHUN KE-17 DENGAN TEMA

"PJ LOVE U"

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA ATUR 21 PROGRAM SEMPENA SAMBUTAN
ULANG TAHUN KE-17 PETALING JAYA SEBAGAI BANDAR RAYA DENGAN ACARA
KEMUNCAK MAJLIS PERASMIAH YANG AKAN DISERIKAN DENGAN KONSERT
ISTIMEWA OLEH ARTIS POPULAR SEPERTI FIRMAN DAN NABILA MAHARANI PADA
24 JUN INI.**

Petaling Jaya, 13 Jun 2023: "PJ Love U" diangkat menjadi tema sambutan ulang tahun ke-17 Petaling Jaya sebagai bandar raya menerusi pelaksanaan 21 program sepanjang Jun ini, menurut Datuk Bandar, Mohamad Azhan Md Amir.

Beliau berkata, keraian itu akan disempurnakan dengan acara kemuncak **Majlis Perasmian Sambutan Ulang Tahun Bandaraya Petaling Jaya ke-17** yang dijadual berlangsung di Laman MBPJ di hadapan Ibu Pejabat MBPJ di Jalan Yong Shook Lin, di sini, pada 24 Jun ini, bermula jam 8 malam.

Pengisytiharaan rasmi Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya dibuat pada 20 Jun 2006.

Jelasnya, sambutan tahun ini meliputi pelbagai program berbentuk jualan dan pameran, pertandingan dan kejohanan, sumbangan, dan perkhidmatan percuma yang dirangka Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bagi mendekatkan diri dengan komuniti setempat.

"Tahun 2023 ini merupakan tahun yang ke-17 Petaling Jaya menjadi sebuah bandar raya. 'PJ Love U' diangkat sebagai tema, kali ini dengan



mengambil kira Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya yang inklusif, manakala program dan aktiviti yang diatur juga melibatkan penyertaan dan memberi manfaat kepada semua peringkat komuniti.

“Kemuncak sambutannya ialah pada 24 Jun ini, iaitu acara perasmian yang akan diserikan dengan persembahan istimewa oleh Firman dan Nabila Maharani dari Indonesia, di samping Neeta Manis, Mr 5k dan Aliff Aziz,” katanya mengenai keraian tahun ini yang turut menyaksikan Laman MBPJ, di Lorong Tengah dan sekeliling Menara MBPJ, Dataran Boulevard dan sebahagian Jalan Yong Shook Lin, Jalan Selangor dan Jalan Sultan bermandi cahaya oleh lampu hiasan pada malam.

Mohamad Azhan berkata, buat julung kalinya juga pada malam perasmian nanti akan diadakan pertandingan bagi acara perarakan, membabitkan kategori Agensi/ Badan Kerajaan, Badan Korporat, Majlis Perwakilan Penduduk/ Persatuan dan Pusat Pengajian Tinggi (Universiti/ Kolej) yang menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah RM6,500, selain sijil dan hadiah iringan.

“Majlis awalnya mensasarkan sebanyak 16 pasukan bakal menyertai pertandingan ini dan tidak menduga ia telah menarik penyertaan 18 pasukan, setakat ini. Suka saya memaklumkan, perarakan tahun ini juga akan turut disertai Sahabat Radio Suria FM dan Sahabat Motorsikal MBPJ,” katanya.

Pemenang Keseluruhan Terbaik bakal menerima hadiah wang tunai RM3,000, manakala pemenang tempat pertama diperuntukkan RM1,500, diikuti kedua dengan RM1,000 dan ketiga, RM500. Sebanyak RM500 juga menanti Pemenang Kostum Terbaik.

Pelaksanaan program juga, menurutnya bertumpu di Taman Bandaran Kelana Jaya, The Spine, Dewan D’Kelana, selain lokasi utama di Laman MBPJ, Dataran Boulevard dan Pusat Bandar Seksyen 52.

“Pemilihan lokasi ini selaras dengan hasrat Majlis menghidupkan persekitaran Pusat Bandar Seksyen 52 dan seterusnya mempergiatkan usaha mempromosi Bandar Raya Petaling Jaya sebagai Kota Seni,” jelasnya.

Ini disusuli acara **PJ Smart Ride** pada esoknya, 25 Jun, yang menyaksikan selebriti popular, Baggio Damasutra bakal memberi cabaran dalam pertandingan kayuhan berbasikal sejauh 45km itu yang menawarkan pendaftaran percuma. Manakala pada malamnya, MBPJ menjemput umat Islam, khususnya warga Petaling Jaya menghadiri majlis **PJ Berselawat** di Laman MBPJ yang akan turut dihadiri agamawan seperti Habib Nael Ben Taher, Ustaz Basyir Azhari, Ustaz Fitri Abdullah dan Ustaz Adlu Kan Yong Sheng.

Menjelang minggu perasmian, beberapa program seperti **Larian Bandaraya PJ (10KM)** dan **Pertandingan Push Bike** juga dijangka menarik perhatian orang ramai, selain program amal seperti **Sumbangan PJ Prihatin** kepada golongan miskin tegar, iaitu Program Pembasmian Kemiskinan Bandar & PJ City Food Bank.

Sebagai simbolik hari pengisytiharaan rasmi Petaling Jaya sebagai bandar raya, pada 20 Jun ini, MBPJ memberi penawaran percuma bagi penggunaan tempat letak kereta, kolam renang, gelanggang badminton dan tenis, selain 300 pendaftaran perpustakaan dan pemberian 1,000 anak pokok.

Mohamad Azhan yang menyambut ulang tahun Petaling Jaya buat kali kedua, mengimpikan bandar raya terkemuka Selangor ini akan dikenali bukan saja di Malaysia, malah luar negara.

“Selain mengimpikan Petaling Jaya dikenali sebagai Kota Seni yang penuh dengan aktiviti kebudayaan dan pelancongan, saya berharap MBPJ menjadi Pihak Berkuasa Tempatan yang memberi perkhidmatan terbaik kepada penduduk Petaling Jaya dan menjadi contoh atau model kepada agensi kerajaan, mahu pun swasta.

“Kenalilah Petaling Jaya ini sebagai satu bandar raya yang maju dan sejahtera, selaras pelan strategik PJSSR 2023, ‘**PJ Smart, Sustainable and Resilience 2030**,’ katanya, seraya mengalu-alukan kehadiran pengunjung dalam dan luar negara, selain penduduk dan komuniti Petaling Jaya.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.